

PM kritik negara2 adakan halangan dagang berterusan

UM 2 - AUG 1988

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengkritik tinda' tanduk negara - negara maju mengadakan halangan berterusan terhadap negara - negara membangun yang sedang berusaha untuk memulihkan ekonomi mereka.

Tegas Perdana Menteri, halangan yang dibuat oleh 'kelab orang - orang kaya' dari negara - negara membangun ini mengeneppikan sama sekali prinsip perdagangan adil dalam sistem ekonomi antarabangsa.

Sambil memberi contoh bagaimana Malaysia menjadi sasaran kempen anti minyak kelapa sawit baru - baru ini, beliau memberitahu, halangan berterusan yang boleh mencekaskan keadaan tidak stabil kepada sistem ekonomi antarabangsa boleh menimbulkan kesan serius kepada kesejahteraan masyarakat dunia.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian di majlis makan malam negara bagi meraikan rakan sejawatnya dari Sri Lanka, Ramesh Premadasa di Seri Perdana di sini.

Menurut Perdana Menteri, negara - negara membangun mahu supaya prinsip perdagangan adil yang dilaung - laungkan oleh negara - negara maju diamalkan dan bukan

hanya sekadar laungan kosong sahaja.

"Negara - negara membangun ingin mendapat lebih banyak perdagangan dan bukannya bantuan tetapi rintangan, halangan dan tingkah - laku yang berterusan ini kerap diadakan terhadap eksport kita," ujar beliau.

Sikap mengganggu negara - negara lain, kata Perdana Menteri, seperti yang ditunjukkan oleh sesetengah negara maju tidak akan mendatangkan faedah kepada kepentingan sistem ekonomi antarabangsa.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan negara - negara maju bahawa mereka mesti memahami, kesejahteraan negara - negara membangun akan menguntungkan eksport dan jualan barangan keluaran mereka sendiri.

Mengenai hubungan Malaysia dan Sri Lanka, beliau berkata, kedua - dua negara mempunyai pandangan sama berhubung beberapa isu antarabangsa dan serantau seperti konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuaan (ZOPHAN), masalah Afghanistan, Kampuchea dan penyalahgunaan najis dadah.

Malaysia, ujar Perdana Menteri, sentiasa bersedia untuk memperluaskan kerjasama dengan Sri Lanka dalam beberapa bidang seperti kebudayaan, pengangkutan laut dan udara serta perdagangan.